

# Doktor antara tiga kena tipu

Semua mangsa diperdaya rugi berjumlah RM68,000

Oleh Shahrinnahar Latib  
dan Zuhainy Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiga individu termasuk seorang doktor menganggut kerugian keseluruhan RM68,000 selepas mereka diperdaya sindiket yang menghubungi mangsa dengan menyamar sebagai pegawai penguat kuasa dan rakan lama.

Dalam kejadian di Temerloh, seorang doktor wanita berusia 26 tahun kerugian RM40,000 selepas dia diperdaya sindiket Macau Scam yang mengatakan akaun banknya digunakan untuk kes penggubahan wang haram, kelmarin.

Mangsa dikatakan menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cyberjaya pada jam 12.35 tengah hari yang memberitahu doktor

itu mempunyai tunggakan cukai RM13,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata panggilan itu kemudian disambungkan kepada dua suspek yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Nizam dan Inspektor David konomnya dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur.

"Suspek bertanya jika mangsa mengenali pengedaran dadah bernama M Faizul Ariffin yang sudah ditangkap di sempadan Thailand dan wanita itu menafikan perkara itu," katanya, semalam.

Beliau berkata, suspek kemudian memberitahu akaun bank mangsa digunakan dalam kes penggubahan wang haram dan talian disambungkan kepada pihat Bank Negara.

"Mangsa diminta memberikan maklumat akaun dan kata laluan perbankan dalam talian miliknya kepada suspek, menyebabkan wang berjumlah RM40,000 di dalam akaunnya sudah lesap," katanya.

Di Kepala Batas, seorang ahli perniagaan kerugian RM18,000 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan menyamar rakan

lama, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata mangsa berusia 44 tahun mendakwa menerima panggilan daripada lelaki memperkenalkan diri sebagai rakan lama mangsa.

Suspek memberitahu dia mempunyai masalah perniagaan dan segala dokumen diri juga hilang.

"Suspek kemudian mahu meminjam wang mangsa sebanyak RM18,000 bagi menyelesaikan urusan perniagaan dan akan membayar balik pada hari sama.

"Mangsa tanpa curiga terus membuat pemindahan wang sebanyak dua kali sebelum menelefon suspek bagi mengesahkan transaksi itu.

"Akibat tidak menerima bayaran pinjaman itu, mangsa menghubungi rakan lamanya menerusi nombor telefon disimpan dan rakannya itu menafikan meminjam wang mangsa," katanya.

Noorzainy berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesaksian kerana menipu.

Sementara itu, Noorzainy berkata, seorang pegawai teknologi maklumat berusia 34 tahun turut kerugian RM10,000 akibat terpe-



**Mohd Wazir Mohd Yusof**

daya dengan sindiket Macau Scam.

Katanya, lelaki terbabit mendakwa menerima panggilan daripada wanita memperkenalkan diri sebagai pegawai Telekom dari Kuantan, Pahang.

Suspek memberitahu mangsa terbabit kes perjudian dalam talian, sebelum panggilan disambung kepada rakan mangsa yang menyamar pegawai polis di Kuantan dan menyatakan perlu menyiasat akaun bank mangsa.

"Mangsa diminta mengesahkan nombor akaun bank dan nombor pin sebelum diminta menyerahkan kod pengesahan transaksi (TAC) serta memadamkan sistem pesanan ringkas (SMS) itu," katanya.